

# SUMBANGAN KEBAJIKAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2018 PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3530-sumbangan-kebajikan-hari-raya-aidilfitri-tahun-2018-pangkalan-udara-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3530-sumbangan-kebajikan-hari-raya-aidilfitri-tahun-2018-pangkalan-udara-butterworth)

BUTTERWORTH, 5 Jun 18 - Majlis Penyampaian Sumbangan Kebajikan Hari Raya Aidilfitri tahun 2018 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pangkalan Udara Butterworth. Seramai 13 orang anggota telah menerima sumbangan bernilai RM 200.00 yang disampaikan dalam bentuk wang tunai RM 150.00 dan RM 50.00 serta Hamper untuk setiap penerima. Komander Pangkalan, Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM telah menyampaikan sumbangan tersebut kepada anggota penerima. Sumbangan yang telah disampaikan itu adalah daripada Tabung Kebajikan TUDM yang jumlah keseluruhannya sebanyak RM 2,600.00.



